



Untuk Terbitan Media

2 Mac 2024

## **SIARAN MEDIA**

### **391 INDIVIDU CARUM SKIM PERLINDUNGAN KESELAMATAN SOSIAL PERKESO ALERT: FIESTA PERKESO MEMBAWA SENYUMAN PLATFORM PERKESO SANTUNI MASYARAKAT**

**KUALA LUMPUR:** Seramai 391 individu mencarum Skim Perlindungan Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) dan Skim Perlindungan Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR) oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) pada hari perasmian Fiesta PERKESO Membawa Senyuman.

Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Sri Abdul Rahman Mohamad memaklumkan, seramai 200 individu bekerja sendiri terdiri daripada jurulatih kesihatan dan penggiat seni telah mendaftar SKSPS, manakala 191 wanita meliputi 91 pembayar zakat, 50 pekerja restoran serta 50 suri rumah B40 mencarum SKSSR menerusi inisiatif caruman oleh Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ MAIWP), Nasi Kandar Ekspress serta Restoran Ali Maju Sdn Bhd.

"Justeru, individu bekerja sendiri wajar merebut peluang peruntukan RM100 juta disediakan kerajaan melalui Geran Padanan Caruman SKSPS dalam Belanjawan 2024 yang berupaya memanfaatkan 500,000 individu bekerja sendiri dengan insentif caruman ditanggung kerajaan sebanyak 90 peratus.

"Bagi SKSSR sejak ia dilancarkan pada Disember 2022 sehingga tahun lalu, seramai 205,747 wanita telah mencarum, dengan 170,937 adalah tajaan caruman oleh kerajaan

melalui daftar e-kasih manakala 34,810 lagi adalah pencarum sukarela. Kita berharap agar sasaran 500,000 pencarum SKSSR dapat direalisasikan tahun ini," katanya ketika ucaptama perasmian Fiesta PERKESO Membawa Senyuman, di MyTOWN, di sini, hari ini.

Fiesta PERKESO Membawa Senyuman ini adalah kesinambungan kepada program penjenamaan PERKESO tahun 2024 sebagai anjakan paradigma agensi ini dalam menyantuni masyarakat lebih dekat dengan menyediakan perlindungan keselamatan sosial komprehensif serta holistik kepada segenap lapisan masyarakat.

Orang ramai dijemput hadir untuk menyertai Fiesta PERKESO Membawa Senyuman yang berlangsung sejak semalam hingga esok, di pusat beli-belah MyTOWN dengan pelbagai pengisian dan aktiviti menarik disajikan.

Antaranya kaunter perkhidmatan pelanggan PERKESO, kaunter bimbingan kerjaya MYFutureJobs, forum kemandirian wanita, audio siar berkaitan kerjaya saringan kesihatan percuma, terapi laser dan robotik percuma, gerai jualan, promosi gunting rambut RM1, zumba, cabutan bertuah dan banyak lagi.

Tamat

###

#### **Mengenai PERKESO**

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Ia merangkumi kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip 'Prihatin' dan '*leaves no one behind*'. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 293 MyFutureJob One Stop Center di Malaysia. Layari [www.perkeso.gov.my](http://www.perkeso.gov.my) atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

#### **Dikeluarkan oleh:**

**Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat**

**2 Mac 2024**

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

**Mohd Wazid Zaidon**

**+6017-619 3181**

**[wazid.zaidon@perkeso.gov.my](mailto:wazid.zaidon@perkeso.gov.my)**